

09/10/2002

Mahkamah halang bawa keluar pelajar Amerika (HL)

Anwar Hussin; Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini hari ini mengeluarkan perintah sementara menghalang rakyat Amerika Syarikat, Ahmed Ibrahim Bilal, dibawa keluar dari negara ini sehingga kes permohonan habeas corpus terhadapnya didengar esok.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmed Ibrahim, 24, pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang diburu Biro Siasatan Persekutuan (FBI) kerana dikaitkan dengan kegiatan militan Islam itu, memohon suaka politik daripada Kerajaan Malaysia.

Hakim Datuk S Augustine Paul membuat keputusan menghalang Ahmed Ibrahim dihantar ke luar negara dalam kamarnya kira-kira jam 4.45 petang ini selepas mendengar permohonan ex-parte daripada peguam Darshan Singh Khaira bagi pihak pelajar itu.

Paul akan mendengar kes itu pada jam 2.30 petang esok.

Ahmed Ibrahim membuat permohonan habeas corpus kerana mendakwa dia ditahan secara salah dan meminta mahkamah membebaskannya dengan jaminan kes itu selesai didengar.

Berikutan itu, Darshan akan menghantar faks kepada Perdana Menteri, Peguam Negara, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Pengarah Siasatan Jenayah Bukit Aman selewat-lewat jam 10.30 pagi esok, bagi memaklumkan keputusan mahkamah itu.

Ahmed Ibrahim, yang berada dalam tahanan polis di Bukit Aman sejak Ahad lalu, menamakan empat responden dalam afidavitnya iaitu Ketua Polis Negara, Menteri Dalam Negeri, Ketua Pengarah Imigresen dan Kerajaan Malaysia.

Darshan ketika ditemui di luar mahkamah berkata, antara isu yang akan dikemukakan di mahkamah esok adalah berhubung penahanan Ahmed Ibrahim.

"Mahkamah perlu diberitahu atas kesalahan apa Ahmed ditahan dan mengikut undang-undang yang mana. Tuduhan yang dikemukakan terhadap Ahmad tidak mencukupi," katanya.

Beliau berkata, Ahmed Ibrahim, pelajar jurusan Ilmu Wahyu dan Warisan Islam di UIAM sejak Januari lalu, akan memohon suaka politik daripada kerajaan Malaysia dan taraf pemastautin tetap (PR).

Permohonan itu dibuat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini. Permohonan sama turut dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selaku Menteri Dalam Negeri.

Salinan permohonan itu dihantar kepada pejabat Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Jabatan Imigresen, Cawangan Khas Bukit Aman dan Pendaftar UIAM oleh Tetuan Darshan Singh & Co.

Darshan Singh & Co dalam surat permohonan itu menyebut tujuh alasan Ahmed Ibrahim mengemukakan permohonan berkenaan, iaitu:

- \* Dianiaya dengan tohmahan yang tidak benar.
- \* langsung tidak terbabit dengan apa-apa kegiatan haram atau lain-lain;
- \* tidak akan mendapat keadilan undang-undang di mahkamah Amerika

Syarikat;

- \* di Amerika Syarikat sekarang timbul suasana anti-Islam;
- \* suatu histeria dan paranoia anti-Islam digembar-gemburkan.
- \* Nabi Muhammad saw dianggap sebagai penganas dan agama suci Islam sebagai agama kekerasan; dan
- \* buat sementara waktu ini, mahu meneruskan pelajarannya di Malaysia.

Darshan juga berharap Ahmed Ibrahim dibenarkan jaminan dan dibebaskan di bawah jagaan UIAM.

"Kami berbesar hati jika Yang Amat Berhormat boleh menggunakan budi bicara menyemak permohonan pelanggan kami dan membenarkannya bermastautin di Malaysia buat sementara waktu.

"Kami juga berharap Yang Amat Berhormat boleh menangguhkan penghantaran balik pelanggan kami ke Amerika Syarikat buat sementara waktu," katanya.